

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : PERTANYAAN BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB TUAN MOHD RAFIZI BIN RAMLI
[PANDAN]**

SOALAN :

YB Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta PERDANA MENTERI menyatakan berapa perjanjian sewaan jet peribadi VIP (VIP private jet) yang telah dan akan berkuatkuasa bagi tempoh 2009 hingga 2018 di antara Kerajaan Malaysia dan Jet Premier One Sdn. Bhd., nyatakan jenis jet peribadi VIP yang disewa dan tempoh sewaan.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Tiada jet/pesawat yang dibeli oleh Perdana Menteri tetapi semua jet/pesawat yang dibeli adalah hak milik Kerajaan Malaysia dan bukannya milik peribadi. Kerajaan Malaysia hanya mempunyai satu ikatan kontrak bagi sewaan Pesawat Eksekutif Kerajaan bersama Jet Premier One (M) Sdn. Bhd. iaitu kontrak sewaan secara *Per Use Basis* bermula 1 Februari 2013 hingga Januari 2014.

Sekian. Terima kasih.